

22 JUN 1999

Mahathir-Asli

MALAYSIA SATU-SATUNYA NEGARA PERTAHANKAN HAK ORANG ASLI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia adalah satu-satunya negara yang mempertahankan hal dan kepentingan masyarakat Orang Asli hingga mereka dapat menikmati hidup yang lebih baik.

"Di negara lain, Orang Asli diletakkan di kawasan rezab, ada anak-anak mereka dirampas daripada keluarga malah kadar kematian kaum itu meningkat sedangkan di Malaysia bilangan masyarakat Orang Asli bertambah," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil kemahiran dalam binaan kepada 17 pelatih belia Orang Asli di Bukit Lanjan, di sini.

Perdana Menteri berkata di negara ini, masyarakat Orang Asli diberi layanan istimewa dan mereka yang terlibat dengan rancangan penempatan semula dipindahkan ke kawasan tetap di projek perumahan.

Beliau merujuk kepada penempatan semula 158 masyarakat Orang Asli di Bukit Lanjan ke Damansara Perdana, dekat sini.

"Tuduhan-tuduhan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan negara-negara lain kononya kita tidak memberi layanan kepada Orang Asli tidak benar sama sekali," katanya.

Menjawab soalan kemungkinan kerajaan mencari calon di kalangan Orang Asli untuk bertanding dalam pilihan raya umum terutamanya di kawasan penduduk Orang Asli yang kebanyakan anggota Umno, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada parti politik berkenaan dan kerajaan tidak boleh menentukannya.

"Parti politik yang mereka sertai boleh menentukannya dan ia juga terpulang kepada kelayakan mereka. Jika satu kawasan bilangan ramai dan kita perlu kepada undi mereka dan mereka mahu calon mereka bertanding, itu boleh dipertimbangkan.

"Tetapi kalau kita kata oleh kerana dia Orang Asli, dia mesti diberi tempat untuk bertanding, mungkin itu tak akan dapat sokongan orang lain dan dia tak boleh menang sebab kita tahu tidak ada kawasan yang majoritinya Orang Asli," katanya.

Terdahulu, semasa berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyediakan peluang-peluang bagi menaikkan taraf masyarakat Orang Asli dan pada masa yang sama mengekalkan adat dan sistem pentadbiran kaum itu.

Katanya apabila taraf Orang Asli dapat ditingkatkan, mereka boleh "duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi" dengan kaum-kaum lain yang maju di negara ini.

"Kita tak nak hapuskan adat Orang Asli tetapi pada masa yang sama, kita mahu Orang Asli mengubah cara hidup kepada yang moden dan maju seperti kaum-kaum lain," katanya.

Katanya oleh itu, masyarakat Orang Asli perlu merebut peluang-peluang latihan kemahiran yang disediakan kerajaan jika mereka mahu memperbaiki hidup mereka.

Beliau berkata masyarakat belia Orang Asli kelihatan sedikit demi sedikit menunjukkan minat untuk mengubah cara hidup dengan menceburi bidang lain selain pertanian tradisional kerana mereka kini terdedah kepada kehidupan yang moden.

Dr Mahathir berkata mereka juga perlu bersedia melibatkan diri dalam latihan bidang binaan yang digalakkan kerana sektor pembinaan kini tumbuh dengan banyaknya di negara ini.

Katanya jika tenaga kemahiran atau buruh dalam sektor itu dapat diisi oleh rakyat negara ini termasuk masyarakat Orang Asli, kerajaan tidak perlu

membawa masuk pekerja asing ke negara ini.

Beliau turut menafikan dakwaan sesetengah orang kononnya Orang Asli tidak berkebolehan dalam bidang kemahiran kerana kaum itu sebenarnya mahir dalam kecekapan tangan seperti mengukir kayu dan anyaman.

--BERNAMA

ARA NAK